

063L

U B120 D E B
MAHATHIR - MPH B

ALOR SETAR, 30 APRIL (BERNAMA) -- **PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA GOLONGAN TERTENTU SUPAYA TIDAK MENJADIKAN ISU HUME INDUSTRIES MALAYSIA BERHAD (HUME) DAN MULTI-PURPOSE HOLDINGS BERHAD (MPHB) SEBAGAI ISU PERKAUMAN.**

BELIAU MENASIHATI MEREKA BERHENTI DARIPADA TERUS BERCAKAP MENGENAI PERKAUMAN SEBALIKNYA MENUMPUKAN SEPENUHNYA KEPADA ASPEK PERNIAGAAN.

DATUK SERI **DR MAHATHIR** MELAHIRKAN PERASAAN +BOSAN+ BERHUBUNG DENGAN ISU ITU KERANA GOLONGAN BERKENAAN MASIH BERCAKAP TENTANG SOAL PERKAUMAN.

+**MEREKA TIDAK MENGIKUTI NASIHAT SAYA** DALAM SOAL TERSEBUT DAN SECARA TERUS **TERANG, SAYA** SUDAH BOSAN DENGAN PERKARA ITU, + KATANYA SEMASA DITANYA OLEH PEMBERITA **DI** LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM **DI SINI** SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI INI.

ISU HUME-MPHB ITU **TIMBUL** EKORAN TAUARAN SYARIKAT HUME UNTUK **MENGAMBILALIH MPH B** AUAL BULAN **INI**. DALAM TAWARAN ITU HUME MAHU MEMBELI SEMUA MODAL BERBAYAR MPH B **PADA** HARGA \$1.50 SEUNIT. -- LAGI.
1225MST 30 04 89

U 8121 DEB
MAHATHIR - MPH B 2 ALOR SETAR

LANGKAH HUME ITU MENIMBULKAN KONTROVERSI SETELAH PART1 MCA MENYIFATKAN LANGKAH BERKENAAN SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MENCABAR KEDUDUKAN PERNIAGAAN **KAUM CINA**. MPH B MERUPAKAN SAYAP PELABURAN PART1 ITU.

ANTARA YANG TURUT HADIR UNTUK **MENGUCAPKAN** SELAMAT PULANG KEPADA **PERDANA MENTERI** DAN **ISTERI** IALAH **MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF** DAN **ISTERI, DATIN SERI HAJAH AZIZAH ABDUL HAMID, MENTERI BESAR PERLIS, DR ABDUL HAMID PAWANTEH** SERTA ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI.

TERDAHULU DARIPADA **ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR** DAN DATIN PADUKA DATUK SERI **DR SITI HASMAH MOHD ALI** SEMPAT MELAWAT DAN MEMBELI-BELAH **DI** KOMPLEKS PERNIAGAAN PEKAN RABU **DI SINI**.

BELIAU **MEMBELI IKAN** KERING DAN BUAH-BUAHAN SAMBIL BERAMAH MESRA DENGAN **PARA PENIAGA** **DI** KOMPLEKS BERKENAAN.

DATUK SERI **DR MAHATHIR** **JUGA** MENGANBIL KESEMPATAN MELIHAT PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN PEKAN RABU YANG SEDANG **DALAM PEMBINAAN**. -- BERNAMA.
1226MST 30 04 89